



Penyelidik mahu kejar pangkat



Oleh MOHD FADHLI MOHD SULAIMAN 22 Januari 2021, 2:08 pm

KUALA LUMPUR: Banyak hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) penyelidik termasuk di universiti terperap dan tidak dikomersialkan kerana kajian yang dihasilkan semata-mata untuk mengejar pangkat, jawatan tinggi serta mendapatkan ijazah doktor falsafah (PhD).

Kebanyakannya dihasilkan bukan bersifat kegunaan, sebaliknya lebih kepada pengembangan ilmu menyebabkan sukar dikomersialkan dalam jangka masa cepat oleh industri.

Mengakui perkara tersebut kepada Utusan Malaysia, Felo Akademi Sains Malaysia, Datuk Dr. Madeline Berma berkata, kebanyakan penghasilan R&D oleh penyelidik tempatan hanya sekadar 'batu loncatan' tempoh tertentu sehingga mengakibatkan dapatan kajian tidak dapat dikomersialkan.

Akibatnya kata beliau, kurang nilai komersial menyebabkan ia tidak dapat dimanfaatkan oleh pemain industri dan masyarakat sama ada di negara ini atau di peringkat antarabangsa.

"Ini (R&D) bagus untuk capacity building, cuma di pihak kami sebagai penilai tidak pun mengatakan adakah penyelidikan dan inovasi itu berguna untuk masyarakat? Apa yang penting, adakah penyelidik itu sudah memenuhi syarat dan kelayakan untuk mendapatkan PhD mereka? Adakah benar mereka sudah menjangkau ufuk ilmu?"

"Tidak semestinya bidang baharu yang ditemui penyelidik mampu menyelesaikan sesuatu masalah yang berlaku, mengambil contoh isu banjir yang berlaku di negara ini. Sebab itulah kalau seseorang menulis kajian dalam bidang Sains Sosial, mungkin sedikit sukar untuk mereka naik pangkat sebab ia bukan bersifat aplikasi seperti mana ilmu sains gunaan yang lebih ke depan," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Beliau bagaimanapun tidak menyatakan jumlah R&D yang terperap serta senarai universiti yang terlibat.

Katanya, walaupun nilai kebolehpasaran hasil R&D itu kurang, semua pihak tidak boleh menafikan bahawa hasil kajian dijalankan masih mempunyai nilai dari segi akademik yang berguna untuk ahli-ahli seperti bakal penyelidik dalam membuat petikan kajian, pensyarah dan penuntut universiti.

"Jangan kata ia (R&D) tidak penting kerana ia tetap berguna untuk penambahan ilmu, cuma kekangannya ialah tidak dapat diaplikasikan. Sebab itulah kerajaan harus menggalakkan penyelidik menghasilkan kajian yang diperlukan oleh khalayak dan menambah peruntukan untuk penyelidikan yang boleh diguna pakai apatah lagi untuk menyelesaikan masalah negara.

Isnin lalu, akhbar ini melaporkan pendedahan tokoh pendidik, Tun Dr. Arsyad Ayub terhadap kualiti lebih 2,500 profesor negara ini yang dikatakan tidak mencapai standard yang diharapkan.

Justeru katanya, dengan kerjasama antara kumpulan profesional dan profesor, diharapkan lebih banyak artikel penyelidikan membabitkan idea di luar kotak dihasilkan seterusnya memberi sumbangan besar kepada masyarakat.

Setiausaha Agung, Akademi Profesor Malaysia (APM), Prof. Dr. Abdullah Mohd. Zin pula berkata, kebanyakan penyelidikan oleh ahli akademik di negara ini dan negara lain bersifat fundamental atau pengembangan ilmu tanpa membangunkannya.

Mengambil contoh di Korea Selatan, Abdullah berkata, faktor utama yang mendorong kejayaan negara berkenaan disebabkan kewujudan banyak syarikat tempatan yang dibangunkan hasil daripada insentif dan galakan melalui penyelidikan tempatan.

"Tidak sukar untuk mengkomersialkan penyelidikannya tetapi ia mestilah berskala besar agar lebih ekonomik, cuma ia memerlukan pelaburan yang besar. Untuk menjayakan penyelidikan, strategi kita mesti selari dengan pembangunan syarikat tempatan dan galakan produk jenama tempatan.

"Pada masa ini terdapat beberapa inisiatif yang dilakukan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) serta beberapa kejayaan telah dicapai namun sangat sedikit jika dibandingkan dengan bilangan penyelidikan yang dilakukan setiap tahun," katanya. – UTUSAN

BERITA SELANJUTNYA



Siapa hadir semasa
angkat sumpah Biden?



Guru wanita rugi
RM27,550 gara-gara...



Tiada pelanggaran SOP
Solat Jumaat di Masjid ...



Sign Up and Get 50%
Free Ad Credits.



Dedah kesan buruk
pelitup muka



Bayar gaji segera atau
pemain angkat kaki



Peminjam ASB silap



Ahli politik ditahan disyaki



Polis sangkal dakwaan

Zakat Wang Simpanan

Wang yang disimpan di dalam akaun simpanan simada simpanan tetap, simpanan semasa, ASB serta lain-lain bentuk simpanan di bank atau mana-mana institusi kewangan.

Zakat dikenakan 2.5% daripada jumlah baki simpanan pada hujung haul dalam bersamaan atau melebihi nisab.

Ccontoh:
Simpanan Tahun 2020
(Baki akhir x 2.5%)

KLIK DI SINI

Terima Kasih Pembayar Zakat
Anda Hero Asnaf

PPZ

POPULAR



PdPR: Peruntukan khas bantu keluarga terkesan

23 Januari 2021, 4:07 pm



PUNB beri penangguhan pembayaran pembiayaan, tawaran diskaun

23 Januari 2021, 4:03 pm



Samun: Dua lelaki dicekup orang awam

23 Januari 2021, 3:38 pm



Warga Myanmar proses arak ditahan

23 Januari 2021, 3:31 pm

IKLAN



BERITA BERKAITAN



PdPR: Peruntukan khas bantu keluarga terkesan

23 Januari 2021, 4:07 pm



PUNB beri penangguhan pembayaran pembiayaan, tawaran diskaun

23 Januari 2021, 4:03 pm



Samun: Dua lelaki dicekup orang awam

23 Januari 2021, 3:38 pm





Warga Myanmar proses arak ditahan

23 Januari 2021, 3:31 pm



PREMIUM

LANGGANAN

Hak cipta terpelihara © 2020 Media Mulia Sdn. Bhd.
Terma dan Syarat
Hubungi Kami